

Headline	Produk antigout daripada ekstrak daun cucur atap		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	16	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	458 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nazdy Harun	AdValue	RM 15,166
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,498



# Produk antigout daripada ekstrak daun cucur atap

Hasil kajian FRIM sejak 2012 mampu rencatkan penghasilan asid urik dalam badan

Oleh Nazdy Harun  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menghasilkan produk antigout daripada ekstrak daun pokok cucur atap yang banyak terdapat di pesisir pantai di negeri ini.

Ketua Program Sumber Biologi FRIM, Dr Fadzureena Jamaludin, berkata beliau memulakan kajian berkaitan daun berkenaan pada 2012 selepas mendapat geran penyelidikan.

Beliau berkata, ekstrak daun pokok cucur atap atau nama saintifiknya *Baeckea Frutescens* dapat merencatkan satu enzim yang menghasilkan asid urik dalam badan.

"Hasil kajian yang dilakukan



Fadzureena memberi penerangan kepada Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Datuk Ahmad Amzad Hashim pada Program Bicara Teknologi FRIM 2023 di Kuala Terengganu, semalam. (Foto Nazdy Harun/BH)

mendapati daun pokok cucur atap mempunyai enzim yang mampu merencatkan penghasilan asid urik, sekali gus meredakan masalah gout kepada mereka yang menghidapnya.

"Kita juga sedang mengkaji bagi kelangsungan sumber ba-

han mentah, seperti wujudkan ladang bagi dapatkan klon yang bagus dan seterusnya untuk komersialkan pokok cucur atap ini.

"Buat masa ini, daun berkenaan kita peroleh dari sini (Terengganu) kita ada satu stesen penyelidikan FRIM di Kam-

pung Bari, Setiu, dan kawasan tu banyak pokok ini (cucur atap).

"Kajian yang dilakukan ke atas daun berkenaan adalah satu kajian baharu dan kita lihat ianya berpotensi selain selamat digunakan," katanya ketika ditemui pada Program Bicara

“Kita terbuka bagi pemain industri untuk berbincang dengan FRIM bagi mengetengahkan hasil kajian yang dijalankan”

Ismail Parlan,  
Ketua Pengarah  
FRIM



Teknologi FRIM 2023, di sebuah hotel di sini, semalam.

Beliau berkata, buat masa ini, FRIM masih bergantung kepada sumber yang berada di Terengganu dan pihaknya juga memperoleh satu plot kajian di Maran, Pahang untuk memastikan kelangsungan sumber bahan mentah.

#### Sedia bantu industri

Sementara itu, Ketua Pengarah FRIM, Dr Ismail Parlan, berkata institusi itu akan terus memberi penerangan dengan kepakaran yang ada untuk membantu pihak industri.

Beliau berkata, setiap tahun kira-kira ada 40 produk yang difailkan dan kira-kira lima daripadanya dipatenkan seterusnya dapat dikomersialkan.

"Kita terbuka bagi pemain industri untuk berbincang dengan FRIM bagi mengetengahkan hasil kajian yang dijalankan," katanya.